

# Harian METRO

TARIKH	20 / 10 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	11	RUANGAN	Setempat



LAMBAI...Tuanku Abdul Halim dan Tuanku Hajah Haminah melambai tangan sebelum berlepas ke Tanah Suci, semalam.

## Agong, Permaisuri berangkat ke Makkah

**S**EPANG: Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah selamat berangkat menuaikan fardu haji, dari Kompleks Bunga Raya Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, di sini.

Pesawat khas yang membawa baginda serta rombongan berlepas jam 10.45 pagi.

Turut bersama dalam rombongan diraja itu ialah Tunku Temenggong Kedah Tan Sri Tunku Sallehuddin Sultan Badlishah (Ahli Jemaah

Pemangku Sultan Kedah) dan Toh Puan Temenggong Kedah Puan Sri Tengku Malilia Tengku Ariff, anakanda baginda Tunku Panglima Besar Kedah Tan Sri Tunku Puteri Intan Safinaz (Ahli Jemaah Pemangku Sultan Kedah) dan Datuk Seri Diraja Tunku Soraya serta Datuk Seri Iskandar Dzulkarnain Sultan Idris Shah.

Hadir sama bagi mengucapkan selamat jalan ialah Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin dan isteri Puan Sri Noorainee Abdul Rahman serta Menteri Besar Kedah Datuk

Seri Azizan Abdul Razak.

Pada majlis istiadat mengucapkan selamat berangkat itu, sebanyak 21 das tembakan meriam turut dilepaskan sambil diiringi lagu Negaraku.

Seri Paduka Baginda kemudian memeriksa barisan kehormat yang terdiri daripada empat pegawai dan 103 anggota Batalion 1 Rejimen Askar Melayu Diraja. Sebelum pasangan Diraja itu menaiki pesawat khas, bacaan doa dilakukan dengan dipimpin Mufti Wilayah Persekutuan Datuk Wan Zahidi Wan Teh.- Bernama